

Domperidone (1mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Motigut Suspension*
2. Bagaimana *Motigut Suspension* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Motigut Suspension*
4. Cara menggunakan *Motigut Suspension*
5. Semasa menggunakan *Motigut Suspension*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Motigut Suspension*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Motigut Suspension*

Motigut Suspension digunakan untuk melegakan simptom loya dan muntah.

Ini termasuk:

- Loya dan muntah yang berfungsi, organik, berjangkit atau disebabkan oleh makanan.
- Loya dan muntah yang disebabkan oleh
 - Radioterapi atau terapi ubat
 - Agonis *dopamine* (seperti *L-dopa* dan *bromocriptine*) yang digunakan dalam rawatan penyakit Parkinson

Bagaimana *Motigut Suspension* berfungsi

Motigut Suspension mengandungi *domperidone* dengan sifat anti-emetik (menghentikan muntah). Ia juga meningkatkan pengosongan gastrik.

Sebelum mengambil *Motigut Suspension*

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan gunakan *Motigut Suspension* jika:

- Anda alah kepada *domperidone* atau mana-mana bahan dalam ubat ini.
- anda mengalami ketumbuhan kelenjar pituitari yang dipanggil *prolactinoma*
- pernah atau mengalami masalah jantung termasuk kegagalan jantung atau gangguan irama jantung termasuk denyutan jantung yang lambat atau tidak teratur
- anda sedang mengambil ubat pemanjangan QT

- anda sedang mengambil perencat CYP3A4 yang kuat
- anda mempunyai pendarahan, halangan dan lubang pada perut dan usus (cth. kekejangan perut yang teruk atau najis hitam yang berterusan)
- mempunyai penyakit hati yang sederhana atau teruk

Jangan mengambil *Motigut Suspension* jika anda mengambil ubat berikut: *Clarithromycin* (antibiotik)

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil *Motigut Suspension* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil *Motigut Suspension* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula mengambil*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- Ia adalah untuk bayi atau kanak-kanak kecil
- Anda mempunyai masalah hati
- Anda mempunyai masalah buah pinggang
- Anda mempunyai penyakit jantung
- Anda mempunyai paras kalium rendah atau tinggi atau tahap magnesium yang rendah.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Adalah sangat penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana yang berikut:

- Perencat CYP3A4 (contoh: ketoconazole (antikulat), ritonavir (antiviral) dan erythromycin (antibiotik))
- Ubat yang menjejaskan keputusan ECG

Cara menggunakan *Motigut Suspension*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Anda perlu sentiasa mengambil jumlah *Motigut Suspension* paling rendah yang sesuai untuk anda dan anda tidak perlu mengambilnya lebih lama daripada yang sepatutnya. Walaupun jumlah *Motigut Suspension* yang anda biasanya perlu ambil seperti yang diterangkan di bawah, doktor anda mungkin menyesuaikan dos anda dengan keperluan peribadi anda.

Motigut Suspension adalah paling berkesan jika diambil 15 minit hingga 30 minit sebelum makan.

Dewasa dan remaja (12 tahun ke atas) seberat 35 kg atau lebih; kanak-kanak seberat 35 kg atau lebih:

Tablet: Ambil satu tablet 3 hingga 4 kali sehari. Jangan ambil lebih daripada 4 tablet sehari (40mg/hari).

Oral suspension: Ambil 10mL *oral suspension* 3 atau 4 kali sehari. Jangan ambil lebih daripada 40 mL sehari (40mg/hari).

Dewasa dan remaja yang beratnya kurang daripada 35 kg:

Oral suspension: Berikan 0.25 mililiter dari *oral suspension* untuk setiap kilogram pada berat badan 3 hingga 4 kali sehari. Dos maksimum sehari adalah 1mg/kg tetapi tidak melebihi 35 mg sehari.

Bayi dan kanak-kanak dibawah umur 12 tahun dan berat badan kurang daripada 35kg:

Keberkesanan *Motigut Suspension* masih belum ditetapkan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak dibawah umur 12 tahun dan berat badan <35kg.

- *Bila perlu digunakan*

Perlu diambil 3-4 kali sehari atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Bagi orang yang mengalami masalah buah pinggang, kekerapan dos *Motigut* perlu dikurangkan kepada sekali atau dua kali sehari.

Adalah disyorkan untuk mengambil *Motigut* 15-30 minit sebelum makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan mengantuk, disorientasi dan reaksi *extrapyramidal* (pergerakan otot secara tidak terkawal, kehilangan pergerakan terutamanya kanak-kanak).

Semasa menggunakan Motigut Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Motigut Suspension*

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Motigut Suspension* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Ubat suspensi ini mengandungi sorbitol dan mungkin tidak sesuai untuk orang yang tidak toleransi kepada sorbitol.

Berhenti mengambil domperidone dan berbincang dengan doktor anda jika anda mempunyai degupan jantung yang tidak teratur

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Motigut Suspension* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan boleh merangkumi tindak balas alergi, meningkatkan pengeluaran susu, kesan *extrapyramidal*, kekejangan usus sementara, geligata, pembesaran payudara, ketiadaan haid dan lain-lain.

Kesan sampingan yang sangat jarang termasuk degupan jantung yang tidak normal, perubahan ECG, dan kehilangan fungsi jantung yang tiba-tiba.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Motigut Suspension

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampaian putih berperisa raspberi-pisang yang mempunyai rasa manis, diisi dan dimeterai dalam botol PET amber dengan penutup putih dicetak SQUARE.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Domperidone

- Bahan tidak aktif

Liquid Sorbitol (non-crystalizing)
Sodium methyl hydroxybenzoate
Dispersible cellulose
Sodium propyl hydroxybenzoate
Saccharin sodium
Carmellose sodium
Polysorbate 60
Anhydrous citric acid
Sodium hydroxide
Banana liquid essence
Raspberry liquid essence
Purified water

- Nombor MAL

MAL10120032AZ

Pengilang

Square Pharmaceuticals PLC.
Square Road, Salgaria,
Pabna,6600, Bangladesh.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/09/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)240118/00022